



# Techtronic Industries

# Dasar Antirasuah TTI

# Kandungan.

<b>1. Pengenalan</b>	<b>3</b>
1.1 Kebolehgunaan	3
1.2 Hukuman untuk ketidakpatuhan	3
1.3 Pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan	3
<b>2. Undang-undang dan Peraturan Antirasuah</b>	<b>4</b>
2.1 Siapakah pegawai kerajaan?	6
2.2 Perakaunan dan penyimpanan rekod	7
<b>3. Garis Panduan</b>	<b>8</b>
3.1 Garis Panduan	8
3.1.1 Garis panduan umum	8
3.1.2 Hadiah	9
3.1.3 Makanan dan keraian	10
3.2 Perjalanan yang ditaja oleh syarikat	11
3.3 Sumbangan politik	12
3.4 Sumbangan kebajikan	12
3.5 Melibatkan rakan niaga	13
3.5.1 Mengumpulkan maklumat latar belakang	13
3.5.2 Mengenal pasti tanda amaran	13
3.5.3 Memantau prestasi	14
3.5.4 Pampasan	14
3.6 Pemancingan rasuah	15
3.6.1 Pengecualian untuk hal keadaan peringan	15
<b>4. Melaporkan Pelanggaran</b>	<b>16</b>
<b>5. Kesimpulan</b>	<b>17</b>

# 1. Pengenalan •

Dasar Antirasuah ini (“Dasar”) mencerminkan komitmen kita terhadap amalan perniagaan yang beretika.

Rasuah adalah bertentangan dengan nilai-nilai kita dan undang-undang dan boleh membawa kepada denda dan hukuman yang lain, termasuk pemerjaraan untuk individu yang terlibat. Dasar ini direka bentuk untuk mencegah rasuah dalam semua aktiviti-aktiviti kita.

## 1.1 Kebolehgunaan

Dasar ini dikenakan kepada:

- TTI dan anak syarikat kami yang dimiliki majoriti atau -dikawal dan ahli gabungan di seluruh dunia
- Semua pekerja TTI termasuk sepenuh masa, sambilan, pekerja kontrak dan sementara
- Semua rakan kongsi TTI, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - Pengedar
  - Penjual
  - Pembekal
  - Rakan kongsi usaha sama
  - Ejen
  - Perantara dan perundings
  - Subkontraktor
  - Wakil pengeluar

## 1.2 Hukuman untuk ketidakpatuhan

Selain hukuman perundangan dan kewangan yang TTI dan pekerjanya boleh diterima akibat ketidakpatuhan terhadap Dasar ini dan mana-mana undang-undang antirasuah yang berkenaan, kegagalan untuk mematuhi juga mengakibatkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan.

Pengurus yang gagal untuk menyelia pematuhan pekerja terhadap Dasar ini juga boleh dikenakan tindakan disiplin. Pengurus hendaklah menunjukkan contoh dan menjadi sumber untuk pekerja yang mempunyai pertanyaan atau memerlukan nasihat.

## 1.3 Pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan

Kita mematuhi undang-undang yang paling ketat, peraturan atau dasar dikenakan kepada kerja kita. Sekiranya undang-undang atau peraturan yang dikenakan kepada perniagaan anda yang kurang ketat daripada dasar ini, maka anda mesti mematuhi dasar ini. Kami telah berusaha untuk memastikan bahawa dasar ini sekurang-kurangnya sama ketat dengan undang-undang dan peraturan yang kita patuhi semasa menjalankan perniagaan, tetapi sekiranya undang-undang atau peraturan yang dikenakan adalah lebih ketat daripada dasar ini, maka anda mesti mematuhi undang-undang atau peraturan tersebut. Sekiranya anda mempunyai apa-apa keraguan mengenai apa yang dijangkakan daripada anda dibawah undang-undang atau Dasar kami, anda mesti mendapatkan bimbingan daripada Jabatan Perundangan anda atau jabatan Sumber Manusia atau salah satu daripada sumber yang disebut di hujung dasar ini.

## 2. Undang-undang dan Peraturan Antirasuah.

TTI tidak bertolak ansur terhadap rasuah. Barangkali bentuk rasuah yang paling biasa atau paling banyak dibincangkan adalah memberi sogokan. Rasuah ditawarkan atau pembayaran bagi apa-apa yang bernilai untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar atau untuk sebaliknya mempengaruhi keputusan atau tindakan, seperti hadiah wang atau barang melebihi nilai yang sedikit, keraian yang mewah dan mahal, tiket penerbangan atau penginapan di resort di luar perniagaan TTI, atau sumbangan kebajikan yang penting bagi individu yang rasuah tersebut ditujukan.

Undang-undang antirasuah global mensyaratkan bahawa rasuah dan bentuk rasuah yang lain tidak boleh digunakan untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Undang-undang ini termasuk:

- Akta Amalan Rasuah Asing (FCPA) Amerika Syarikat
- Akta Sogokan United Kingdom
- Ordinan Pencegahan Sogokan Hong Kong
- Undang-undang Jenayah dan Anti-Persaingan Tidak Adil Republik Rakyat China
- Konvensyen Undang-undang Jenayah mengenai Rasuah Majlis Eropah
- Konvensyen Antisogokan Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) Konvensyen Antisogokan
- Pelbagai undang-undang antirasuah domestik daripada banyak negara yang lain tempat kita atau rakan niaga kita beroperasi

Undang-undang ini mungkin mengenakan syarat-syarat yang khusus dalam situasi yang tertentu, bermaksud kita tidak boleh walau sesekali pun teragak-agak untuk menghubungi penyelia, pengurus dan Jabatan Perundungan atau HR kita untuk mendapatkan bimbingan mengenai cara untuk meneruskan dengan sesebuah transaksi.

Selain daripada undang-undang antirasuah, dasar ini melarang mereka yang dikenakan dasar ini daripada menawarkan, menyediakan atau menerima rasuah atau sebaliknya mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti haram atau rasuah. Sesiapa yang memerhatikan atau mengetahui tentang aktiviti tersebut mesti melaporkan maklumat itu melalui jalan yang ditetapkan di hujung Dasar ini.

Untuk membantu pemahaman anda, dikeluarkan semula di bawah adalah kepingan asas larangan antirasuah yang terkandung dalam Dasar ini dan undang-undang antirasuah yang dirujuk:

Konsep Asas	Penerangan
<b>1. Jangan sesekali tawarkan, buat atau terima pembayaran</b>	Tunai atau bersamaan tunai yang melebihi nilai yang sedikit
<b>2. Atau apa-apa yang bernilai</b>	Mana-mana barang bernilai yang melebihi nilai yang sedikit, seperti barang kemas, tiket kapal terbang, percutian
<b>3. Secara langsung atau tidak langsung</b>	<b>Secara langsung:</b> Tawaran atau pembayaran tersebut dibuat secara langsung kepada individu yang tindakannya bertujuan untuk mempengaruhi.  <b>Secara tidak langsung:</b> <ol style="list-style-type: none"><li>a. Tawaran atau pembayaran disalurkan melalui perantara, seperti ejen, subkontraktor, atau perunding.</li><li>b. Tawaran atau pembayaran yang terkandung dalam transaksi perniagaan (“sogokan”), seperti, sebagai contoh, pengedar yang berpotensi menawarkan kepada anda secara peribadi sebahagian keuntungan yang mereka peroleh daripada menjual produk TTI sekiranya anda memilih mereka daripada pengedar yang berpotensi yang lain.</li></ol>

## 2. Undang-undang dan Peraturan Antirasuah

### 4. Kepada atau daripada entiti komersial atau pegawai kerajaan

Entiti komersial adalah mana-mana perniagaan atau mana-mana pekerjaan, ejen dan wakil, termasuk subkontraktor, perunding dan yang lain yang bertindak bagi pihak perniagaan. Untuk mendapatkan penerangan selanjutnya, lihat bahagian mengenai "Siapakah pegawai kerajaan?" di bawah.

### 5. Untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau memperoleh kelebihan perniagaan yang tidak wajar

Ingat bahawa walaupun percubaan untuk mendapatkan atau menjamin kelebihan perniagaan yang tidak wajar, tanpa mengira sama ada berjaya atau tidak, adalah dilarang.

Untuk mengelakkan keraguan, kelebihan perniagaan yang tidak wajar boleh ditakrifkan sebagai secara tidak berpatutan menguatkant kedudukan perniagaan kita, yang kita tidak akan mendapat tanpa menawarkan, membayar atau menerima rasuah. Ini berbeza daripada mengiktiraf kesetiaan atau sumbangaan perniagaan rakan niaga.

Apabila ragu terhadap mana-mana tawaran, pembayaran atau aspek transaksi atau hubungan perniagaan yang lain, tanya diri anda pertanyaan yang berikut:

- Adakah ini dirasakan betul?
- Adakah rakan, keluarga dan rakan sekerja saya akan membenarkan?
- Adakah saya berasa selesa sekiranya ini dibincangkan dalam akhbar?

Sekiranya jawapan kepada satu atau lebih daripada pertanyaan ini adalah tidak, jauhkan diri anda daripada situasi tersebut dan dapatkan bimbingan daripada pengurus anda atau Bahagian Perundangan atau HR mengenai cara terbaik untuk meneruskan.

### Menghayati Nilai Kita

**Senario:** Saya bekerja dalam Bahagian Pembelian. Baru-baru ini, seorang pembekal telah datang melawat kemudahan kami. Kami bertemu berkaitan kontrak bekalan baharu yang mungkin diambil dan pembekal tersebut tahu bahawa kami juga bertemu dengan pembekal lain yang mungkin diambil mengenai peluang tersebut. Ketika beliau ingin pergi, pembekal itu menawarkan saya sesuatu yang kelihatan seperti rantai mutiara sebagai hadiah untuk isteri saya kerana layanan baik saya. Saya tidak fikir bahawa mutiara tersebut tulen, oleh itu saya telah menerimanya.

**Respons:** Anda tidak sepertutnya menerima hadiah tanpa mengetahui nilai sebenarnya kerana situasi yang hadiah tersebut diberikan menunjukkan bahawa motivasi pembekal adalah untuk mempengaruhi keputusan anda sama ada untuk memberikan syarikatnya kontrak tersebut. Anda sepertutnya menolak hadiah tersebut, atau sekiranya anda menerima disebabkan anda bimbang bahawa menolak adalah tidak sopan atau dianggap sebagai menghina, anda sepertutnya segera merujuk kepada Jabatan Perundangan anda dan meminta pandangan tentang cara untuk mengendalikan hadiah tersebut.

## 2. Undang-undang dan Peraturan Antirasuah

### 2.1 Siapakah pegawai kerajaan?

Untuk tujuan undang-undang antirasuah dan Dasar kami, istilah “pegawai kerajaan” adalah tidak terhad kepada individu yang memegang jawatan kerajaan yang dipilih atau dilantik,, menteri jabatan kerajaan, calon politik atau kedudukan lain yang seseorang mungkin fikirkan sebagai jawatan kerajaan. Individu yang berikut juga boleh layak sebagai pegawai kerajaan:

- Pekerja jabatan dan agensi kerajaan, tanpa mengira pangkat—termasuk tetapi tidak terhad kepada pegawai cukai atau kastam
- Pekerja entiti yang dimiliki atau dikawal negara, termasuk perusahaan komersial yang dimiliki atau dikawal negara, seperti penerbangan kebangsaan, pengendali kereta api dan pekerja institusi awam seperti universiti
- Pekerja organisasi antarabangsa awam, seperti Bank Dunia, Dana Kewangan Antarabangsa dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Mana-mana pegawai parti politik atau calon, mana-mana hakim atau penggubal undang-undang dan ahli keluarga diraja yang mungkin kekurangan kuasa “rasmi” tetapi yang mengekalkan pemilikan atau kepentingan pengurusan dalam perusahaan kerajaan
- Sesiaapa yang “bertindak dalam kapasiti rasmi” (yang, di bawah penugasan kuasa daripada kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab kerajaan), termasuk pegawai yang tidak berikan pampasan sekiranya mereka mempunyai pengaruh sebenar dalam menganugerahkan perniagaan kerajaan
- Perunding teknikal atau pemasaran yang juga memegang jawatan kerajaan

Menyediakan apa-apa yang bernilai kepada ahli keluarga rapat pegawai kerajaan juga boleh dianggap sebagai pelanggaran undang-undang antisogokan dan Dasar kami.

Dasar kita menyorotkan interaksi dengan pegawai kerajaan kerana undang-undang antirasuah menekankan berurusan dengan pegawai kerajaan secara telus dan tindakan rasuah membawa hukuman yang berat untuk syarikat dan individu. Sebagai syarikat antarabangsa dan pemimpin dalam industri kita, kita mungkin perlu berinteraksi dengan pegawai kerajaan kadang-kala dan mesti melakukan sedemikian menurut undang-undang yang dikenakan. Sebagai ahli TTI, anda dikehendaki untuk menilai transaksi yang anda terlibat untuk menentukan sama ada pegawai kerajaan menyertai dalam apa-apa cara. Memandangkan senarai kemungkinan pegawai kerajaan adalah meluas, anda digalakkan untuk mendapatkan bantuan dan bimbingan daripada Jabatan Perundangan.

#### Menghayati Nilai Kita

**Senario:** Muhammad sedang cuba untuk mendapatkan permit untuk kebenaran menggunakan bahagian harta tanah tertentu untuk loji di lokasi yang baharu. Beliau mengetahui bahawa permit ini adalah terhad dan terdapat pesaing yang juga cuba untuk mendapatkan permit bagi lokasi yang sama. Pegawai kerajaan berpihak kepada Muhammad dan mengatakan bahawa beliau akan melebihkan permintaannya berbanding pesaing-pesaing tersebut sekiranya Muhammad akan memberikannya beliau secara peribadi \$5,000 secara tunai. Beliau menjelaskan bahawa ini adalah cara perniagaan dilakukan dan sekiranya Muhammad tidak melakukannya, maka beliau akan mengeluarkan permit kepada pesaing. Muhammad tidak mahu kehilangan perniagaan untuk syarikat, oleh itu beliau membuat pembayaran tersebut.

**Respons:** Muhammad tidak menghayati nilai kita. Pegawai setempat yang Muhammad telah menawarkan pembayaran adalah berkemungkinan dianggap sebagai pegawai kerajaan di bawah kebanyakan undang-undang antirasuah global dan pembayaran tersebut adalah rasuah kerana dibuat untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar.

## 2. Undang-undang dan Peraturan Antirasuah

### 2.2 Perakaunan dan penyimpanan rekod

Salah satu kaedah yang digunakan oleh TTI untuk memastikan bahawa semua urusan yang kita terlibat adalah bebas daripada rasuah adalah dengan merekodkan semua aspek setiap transaksi dengan betul. Menyimpan buku dan rekod yang tepat adalah dikehendaki oleh pelbagai undang-undang antirasuah yang dikenakan kepada perniagaan kita. Oleh itu, kita mesti mematuhi semua peraturan dan standard perakaunan, serta dasar kerja dalaman kita dan proses untuk menyerahkan semua permintaan pembayaran balik kepada TTI. Selain itu, apabila membuat perbelanjaan bagi pihak TTI, kita mesti merekodkan dengan betul butiran semua transaksi, perakaunan untuk semua dana dan faedah yang diterima sebagai sebahagian daripada transaksi tersebut.

Penjagaan istimewa mesti diambil untuk memastikan bahawa perlakuan terhadap apa-apa hadiah, hidangan, keraian atau faedah yang lain diberikan kepada pihak swasta dan pegawai kerajaan mematuhi perakaunan dan syarat-syarat penyimpanan rekod TTI.

Peraturan yang berikut adalah garis panduan untuk perakaunan dan penyimpanan rekod:

- Entri palsu atau tiruan adalah dilarang.
- Dana, akaun atau aset yang tidak didedahkan atau tidak direkodkan adalah dilarang.
- Tiada entri yang boleh menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar ses sebuah transaksi.
- Tiada pembayaran yang dibenarkan untuk tujuan lain selain daripada tujuan yang diterangkan dalam dokumen sokongan.
- Semua pekerja mempunyai tugas untuk melaporkan mana-mana entri palsu atau apabila mereka mempunyai sebab untuk percaya bahawa pekerja mungkin memalsukan rekod.

Untuk melaksanakan peraturan di atas mengenai penyimpanan rekod yang betul, anda hendaklah:

- Hanya mengeluarkan dan menerima invoice yang dengan tepat mencerminkan transaksi yang berkait.
- Jangan sesekali bersetuju untuk meminta invoice yang kurang atau berlebihan.
- Jangan sesekali buat atau luluskan apa-apa pembayaran dengan niat, pemahaman atau pengetahuan bahawa mana-mana bahagian pembayaran tersebut adalah untuk digunakan untuk mana-mana tujuan selain daripada yang dijelaskan dalam dokumen sokongan, atau apabila sebab-sebab yang wujud untuk percaya mungkin digunakan sebagai rasuah.
- Jangan sesekali buat atau luluskan pembayaran tunai kepada mana-mana pihak.
- Jangan sesekali buat atau luluskan pembayaran kepada individu selain daripada penerima.
- Jangan sesekali buat atau luluskan pembayaran kepada akaun yang tidak berkait dengan perniagaan atau warganegara penerima, seperti akaun bank luar pesisir atau akaun di bawah nama yang berbeza.

Penyimpanan rekod adalah penting bagi pematuhan kita dengan undang-undang antirasuah dan untuk kita mengekalkan dan menegakkan semangat Dasar ini.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai syarat-syarat ini, sila hubungi Jabatan Perundangan atau Kewangan.

# 3. Garis Panduan.

Bahagian ini menyediakan panduan mengenai transaksi tertentu, dengan rujukan kepada syarat-syarat dan jangkaan TTI.

Anda hendaklah merujuk bahagian ini dengan kerap untuk mengesahkan bahawa transaksi dan hubungan perniagaan yang anda adalah sebahagian daripadanya memenuhi syarat-syarat TTI dan untuk memastikan bahawa perniagaan kita kekal bebas daripada rasuah.

## 3.1 Garis Panduan

Kita memahami bahawa melakukan perniagaan dengan kerap melibatkan memberikan dan menerima beberapa tanda budi bahasa, seperti membincangkan perjanjian jualan sewaktu makan tengah hari, berjumpa dengan klien untuk makan malam atau menerima barang promosi pada pameran dagangan. Dasar ini tidak bertujuan untuk menghalang kebolehan anda untuk membina hubungan dengan pihak luar dan bersaing dalam pasaran. Sebaliknya, ini akan membantu anda mengenal pasti tanda budi bahasa perniagaan yang boleh diterima dan sah. Pendirian kita mengenai sogokan dan rasuah bermaksud bahawa tanpa mengira budaya setempat, kita tidak sesekali memberikan atau menerima hadiah yang tidak wajar, keraian atau mana-mana faedah yang lain untuk memperoleh kelebihan perniagaan yang tidak wajar.

Sekiranya anda menghadapi situasi apabila seseorang secara peribadi meminta bayaran atau barang lain yang bernilai untuk ditukarkan dengan atau sehubungan dengan membuat keputusan perniagaan atau melakukan tugas mereka dan anda tidak pasti apa yang hendak dilakukan, anda hendaklah merujuk Jabatan Perundangan. Anda hendaklah sentiasa merujuk Jabatan Perundangan sekiranya individu tersebut adalah pegawai kerajaan.

### 3.1.1 Garis panduan umum

Pekerja tidak sepatutnya memberikan, meminta atau menerima hadiah, makanan, keraian atau barang bernilai yang lain daripada mana-mana vendor, penyedia perkhidmatan TTI, pelanggan, pesaing atau mana-mana pihak yang cuba melakukan perniagaan dengan TTI melainkan semua kriteria yang berikut telah dipenuhi:

- Terdapat tujuan perniagaan yang jelas berkaitan dengan promosi atau demonstrasi produk atau perkhidmatan TTI.
- Nilainya berpatutan, yang secara umum bermaksud bahawa hadiah adalah bernilai sedikit dan makanan dan keraian adalah berpatutan di bawah keadaan dan biasanya dalam amalan yang biasanya diterima dalam industri kita.
- Kekerapannya adalah berpatutan.
- Melakukan sedemikian tidak melanggar kastam setempat atau dasar organisasi pihak yang menerima.
- Melakukan sedemikian tidak membangkitkan konflik kepentingan yang sebenar atau tampak.
- Dengan pegawai kerajaan, hadiah atau keraian mesti diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Jabatan Perundangan atau HR.

Garis panduan ini dikenakan pada setiap masa dan tidak berubah sewaktu musim pemberian hadiah tradisional, atau disebabkan kastam setempat tempat anda melakukan perniagaan.

Selain itu, di sesetengah negara pemberian hadiah atau keraian adalah biasa dalam suasana perniagaan, anda perlu merujuk Jabatan Perundangan dan HR dalam unit perniagaan anda untuk mendapatkan bimbingan mengenai amalan yang boleh diterima. Anda bertanggungjawab kerana mengetahui dan mematuhi bimbingan tersebut bukan hanya di lokasi tempat pejabat anda terletak, tetapi juga dalam mana-mana lokasi lain tempat anda melakukan perjalanan untuk perniagaan TTI.

Subbahagian yang berikut memberikan butiran lanjut mengenai pertukaran hadiah, makanan dan keraian.

# 3. Garis Panduan

## 3.1.2 Hadiah

- Hadiah adalah terhad kepada barang yang bernilai rendah. Hadiah tersebut boleh termasuk yang berikut:
  - Barang promosi yang membawa logo atau jenama syarikat
  - Kad ucapan atau perayaan
  - Barang makanan yang ringkas
  - Tumbuh-tumbuhan atau bunga dengan harga yang berpatutan
  - Barang bernilai rendah yang lain sebagai sebahagian daripada perayaan budaya atau negara (lihat di bawah untuk hadiah tunai yang ditukarkan dalam situasi ini)
- Hadiah tunai tidak digalakkan, tetapi TTI memahami bahawa ini kadangkala ditukarkan sebagai sebahagian daripada perayaan negara atau budaya tertentu (sebagai contoh, pertukaran “wang saku merah” untuk Tahun Baru Cina). Hadiah tunai hendaklah hanya diberikan di bawah keadaan yang berikut:
  - Hadiah tunai disediakan sebagai sebahagian daripada perayaan negara atau budaya
  - Hadiah tunai adalah berpatutan nilainya untuk majlis tersebut
  - Tidak lebih daripada satu hadiah tunai diberikan kepada atau diterima daripada individu yang sama sewaktu tempoh perayaan atau acara budaya

### Menghayati Nilai kita

**1**

**Senario:** Pada pameran perdagangan baru-baru ini, saya menawarkan pelanggan yang berpotensi pelbagai barang berjenama TTI seperti koleh dan pen. Adakah ini dibenarkan di bawah Dasar kami?

**Respons:** Ya. Hadiah yang kecil (mempunyai nilai yang sedikit hingga tiada) disediakan sebagai sebahagian daripada menunjukkan produk TTI adalah dibenarkan.

**2**

**Senario:** Di negara tempat saya bekerja, adalah biasa untuk memberikan “wang saku merah” sewaktu Tahun Baru Cina kepada orang yang kita melakukan perniagaan atau untuk menunjukkan penghargaan dalam suasana perniagaan yang lain. Bolehkah saya menukar wang saku merah dengan hubungan perniagaan kami?

**Respons:** Mengikut Dasar kami, kami boleh memberikan atau menerima hadiah tunai, seperti wang saku merah, dalam kapasiti kami sebagai pekerja TTI, sewaktu perayaan negara atau budaya atau majlis yang lain apabila hadiah tersebut adalah menjadi kelaziman untuk saling bertukar. Wang saku merah, atau hadiah tunai yang lain, mestilah masih memenuhi garis panduan umum mengenai hadiah yang diterangkan di atas. Harap maklum bahawa wang tersebut mestilah dalam nilai yang kecil/rendah dan tidak diberikan kepada atau diterima daripada individu yang sama lebih daripada sekali sewaktu tempoh perayaan atau acara budaya. Garis panduan Dasar ini tidak menyekat nilai atau kekerapan yang anda boleh saling bertukar hadiah tunai dengan rakan dan keluarga menggunakan dana peribadi anda sendiri.

# 3. Garis Panduan

## 3.1.3 Makanan dan keraian

Menyediakan makanan dan keraian kepada bakal pelanggan dan rakan niaga atau pelanggan dan rakan niaga yang sedia ada adalah amalan biasa dan boleh menjadi unsur yang penting dalam hubungan perniagaan kita. Walau bagaimanapun, makanan dan keraian boleh disalah guna dengan menjadi berlebih-lebihan atau terlalu kerap. Kita mesti mematuhi standard yang ditetapkan di bawah untuk memastikan kita mengambil bahagian dalam aktiviti yang betul:

- Makanan dan keraian hendaklah dihadkan kepada makanan ringkas atau aktiviti bersesuaian yang lain, seperti lawatan melihat kawasan setempat, acara sukan atau budaya, atau permainan golf.
- Apabila menyediakan makanan atau keraian kepada ahli syarikat yang lain, anda mesti mengetahui peraturan mereka mengenai menerima jenis faedah ini. Kebanyakan pelanggan kita dan rakan perniagaan yang lain mempunyai Tatakelakuan dan dasar lain yang sama dengan dasar kita yang tidak membenarkan pekerja mereka untuk menerima makanan atau keraian yang mewah, kerap dan tidak secara tulen disandarkan kepada tujuan perniagaan yang sah. Oleh itu jangan bayar cek untuk pekerja rakan niaga apabila melakukan sedemikian akan melanggar dasar rakan niaga.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan mengenai sama ada acara tertentu adalah terlalu mewah untuk mematuhi Dasar ini, dapatkan kebenaran awal daripada Jabatan Perundangan dan/atau HR di unit perniagaan anda.

### Menghayati Nilai kita

**Scenario:** Kami sedang cuba untuk mengembangkan perniagaan kita dengan pelanggan yang tertentu. Ejen pembelian pelanggan tersebut selalu menyebut kepada saya bahawa beliau sentiasa ingin membawa keluarganya ke Paris untuk bercuti. Saya mempunyai kenalan di Paris, oleh itu saya mengatur untuk beliau dan keluarganya untuk menginap di sana tanpa bayaran, dan saya menawarkan untuk TTI membayar untuk tiket penerbangan mereka. Saya fikir beliau juga membuat bayangan yang sama ini kepada pesaing dan mereka telah melakukan perkara untuk beliau pada masa yang lalu, jadi saya tidak mahu kita untuk mempunyai kekurangan.

**Respons:** Dalam situasi ini, anda tidak menghayati nilai kita. Faedah ini dengan jelas ditawarkan dengan niat untuk mempengaruhi pembeli untuk memberikan kita lebih banyak perniagaan, dan beliau dan keluarganya mendapat faedah secara peribadi dengan menerima percutian yang mewah. Tidak penting sekiranya anda berfikir atau mendengar khabar angin bahawa orang lain mungkin menawarkan faedah jenis ini secara individu ini. Bahkan, individu ini berkemungkinan melanggar dasar syarikatnya dengan memancing dan menerima jenis hadiah ini, dan anda akan membantu majikannya dengan mengambil langkah untuk mendedahkan tindakan beliau. Anda hendaklah merujuk Perundangan apabila beliau mula membuat jenis bayangan ini.

# 3. Garis Panduan

## 3.2 Perjalanan yang ditaja oleh syarikat

Sebagai syarikat antarabangsa, kita mungkin pada kadangkala diminta untuk membayar perbelanjaan perjalanan untuk pelanggan kita, pihak ketiga atau pihak luar yang lain sehubungan dengan perniagaan yang berkaitan dengan TTI. Kita perlu memastikan bahawa perjalanan yang ditaja TTI tidak disediakan untuk sebab-sebab yang tidak wajar, bermaksud bahawa perjalanan tidak disediakan untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar atau secara tidak patut mempengaruhi keputusan pelanggan atau tindakan pihak ketiga.

Sama ada kita benar-benar menaja perjalanan seseorang bergantung kepada situasi, tetapi kita mesti sentiasa memastikan bahawa terdapat tujuan perniagaan dan agenda yang jelas dan bahawa perjalanan yang ditaja tersebut diselesaikan oleh individu yang diaturkan untuknya.

Sebaik sahaja anda telah memastikan dua syarat-syarat ini telah dipenuhi, anda mesti menyemak bahawa standard tambahan yang berikut turut dipenuhi.

Perjalanan yang ditaja syarikat mestilah:

- Di ambil kira dalam belanjawan kami
- Disediakan sebagai sebahagian daripada lawatan kilang atau bilik pameran, latihan, perjumpaan jualan atau aktiviti berkaitan perniagaan yang sama
- Sepanjang laluan yang paling pendek dan kurang mahal (jika ada)
- Melalui kelas Ekonomi melainkan anda telah mendapatkan kelulusan daripada seseorang pada peringkat Pengarah atau ke atas
- Terhad kepada penginapan di hotel perniagaan atau hotel bertaraf 3-4 bintang yang sederhana
- Diluluskan terlebih dahulu oleh Pengarah jabatan anda dan juga oleh Jabatan Perundungan atau HR sekiranya perjalanan disediakan untuk pegawai kerajaan

Perjalanan yang ditaja oleh Syarikat TIDAK termasuk:

- Makanan dan sampingan
- Pemanjangan lawatan dan lencongan
- Hadiiah dan bentuk keraian yang lain

# 3. Garis Panduan

## 3.3 Sumbangan politik

Untuk kekal bebas daripada rasuah, kita perlu berhati-hati terhadap permintaan untuk sumbangan politik oleh rakan sejawat atau pegawai kerajaan sebagai balasan kepada mempengaruhi transaksi atau mendorong penyelesaian urusan yang belum selesai. Sebagai contoh, pelanggan yang berpotensi mungkin menyatakan bahawa beliau akan membeli produk TTI sekiranya kita membuat sumbangan kepada jabatan kerajaan, organisasi, parti politik atau kumpulan yang pelanggan tersebut atau saudaranya adalah berkait. Sumbangan politik adalah terutamanya membimbangkan disebabkan sukar untuk menjelak kembali kepada individu, kumpulan atau syarikat yang memintanya.

Untuk meminimumkan kemungkinan rasuah, kita tidak boleh membuat sumbangan politik bagi pihak TTI tanpa mendapatkan kebenaran bertulis awal Naib Presiden Kumpulan, Penasihat Undang-undang dan Ketua Pegawai Pematuhan.

Sumbangan politik tidak boleh dibuat dalam apa jua keadaan untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar atau sekiranya sebaliknya tidak sah di sisi undang-undang negara tempat jabatan kerajaan, parti politik, kumpulan/organisasi atau pegawai berpangkalan.

## 3.4 Sumbangan kebajikan

Sebagai syarikat global, kita berada dalam kedudukan untuk membantu mereka yang memerlukan melalui sumbangan kebajikan. Walau bagaimanapun, sumbangan kebajikan, seperti sumbangan politik, boleh menjadi cara yang menipu untuk memberikan rasuah. Ini boleh berlaku apabila rakan sejawat atau pegawai kerajaan meminta derma kepada badan kebajikan yang mereka berkait sebagai prasyarat atau sebahagian daripada transaksi dengan kita.

Situasi yang berikut mungkin menunjukkan sumbangan kebajikan tersebut diminta untuk tujuan yang tidak wajar:

- Sumbangan diminta sebagai sebahagian daripada transaksi perniagaan.
- Badan kebajikan atau pihak yang meminta derma tidak memberikan butiran mengenai kebajikan, tujuannya, lokasi atau sebab untuk derma.
- Badan kebajikan tersebut meminta sumbangan dibuat kepada negara atau entiti yang berbeza.
- Pegawai kerajaan telah meminta atau mencadangkan sumbangan tersebut.

Sumbangan kebajikan tidak boleh digunakan dalam apa jua keadaan untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar, atau sebaliknya melanggar undang-undang negara tempat sumbangan akan dibuat.

### Menghayati Nilai Kita

**Senario:** Kami melibatkan ejen untuk membantu memudahkan perjanjian dengan pelanggan baharu. Ejen tersebut memberitahu kami bahawa wakil pelanggan akan menyelesaikan kontrak dengan TTI sekiranya kami mengarahkan pembayaran awal sekaligus kepada badan kebajikan yang isterinya anjurkan. Saya memberitahu ejen bahawa kami tidak dapat membuat pembayaran ini untuk menyelesaikan rundingan.

**Respons:** Dalam kes ini, anda telah menghayati nilai kita. Wakil pelanggan tersebut memerlukan TTI untuk membuat sumbangan kebajikan untuk menjamin kelebihan perniagaan. Mana-mana pembayaran yang dibuat untuk menjamin kelebihan sebegitu adalah bertentangan dengan Dasar kami, walaupun dibuat kepada badan kebajikan.

# 3. Garis Panduan

## 3.5 Melibatkan rakan niaga

Melibatkan rakan niaga, seperti ejen, pengedar dan pembekal, adalah bahagian yang penting dalam perniagaan kita. Mereka menyediakan bahan yang kita perlukan untuk membina produk kelas dunia, mewakili jenama kita dalam pasaran global dan mencapai pelanggan baharu. Khususnya, rakan niaga ini adalah sambungan TTI, dan mana-mana tindakan rasuah yang mereka jalankan ketika melakukan perniagaan untuk kita boleh mencipta liabiliti untuk syarikat kita.

Oleh itu, kita mesti hanya memilih rakan niaga yang kita berasa selesa untuk mewakili jenama dan nilai kita. Untuk mencapai matlamat ini, kami telah mengamalkan proses usaha wajar untuk mengkaji rakan niaga yang berpotensi dan memantau rakan kongsi sedia ada. Proses usaha wajar ini melibatkan tindakan yang berikut:

- Mengumpulkan maklumat latar belakang
- Mengenal pasti tanda amaran
- Memantau secara berterusan

### 3.5.1 Mengumpulkan maklumat latar belakang

Proses usaha wajar bermula dengan mengumpul maklumat latar belakang mengenai rakan niaga yang berpotensi. Maklumat yang berikut hendaklah dikumpulkan sebelum mengikat mana-mana perjanjian:

- Maklumat pendaftaran syarikat
- Nama, warganegara dan maklumat ringkas semua pegawai utama, pengarah dan pemegang saham
- Senarai semua entiti yang berkaitan
- Sejarah hasil rakan niaga sepanjang 3 – 5 tahun
- Sejarah awam dan jenayah semua pegawai utama, pengarah dan pemegang saham
- Jawatan kerajaan (semasa atau sebelum) semua pegawai utama, pengarah dan pemegang saham dan saudara dan hubungan perniagaan mereka
- Sejarah awam, jenayah dan pengawalaturan rakan niaga
- Reputasi rakan niaga

### 3.5.2 Mengenal pasti tanda amaran

Ketika mengumpul maklumat latar belakang mengenai rakan niaga yang berpotensi, anda mungkin menyedari “bendera merah” tertentu, atau tanda amaran mengenai pihak yang menunjukkan bahawa mereka lebih berkemungkinan untuk memberi rasuah, terlibat dalam rasuah atau sebaliknya tidak sesuai untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Berikut merupakan senarai bendera merah yang biasa:

- Latar belakang atau reputasi yang boleh dipersoalkan, seperti dakwaan amalan perniagaan yang tidak wajar (seperti memberi rasuah atau dakwaan penipuan)
- Kekurangan rujukan perniagaan/peribadi yang bereputasi baik
- Tidak diketahui oleh pesaing industri
- Dirujuk kepada kami oleh pegawai kerajaan
- Kelihan tidak berkelayakan untuk memberikan perkhidmatan yang kami perlukan
- Tidak mahu mendedahkan identiti pemilik, ketua, pengarah atau pekerja
- Tidak terbuka untuk bersetuju dengan Tatakelakuan Rakan Niaga kita
- Meminta pengaturan pembayaran yang luar biasa, seperti pembayaran secara tunai, pembayaran dalam mata wang negara yang lain, pembayaran kepada pihak yang kelihatan tidak berkait atau pembayaran kepada akaun bank di negara yang berbeza
- Mempunyai ahli yang merupakan pekerja TTI atau berkaitan dengan pekerja TTI

Penemuan mana-mana bendera merah hendaklah segera dirujuk kepada ahli Jabatan Perundangan untuk semakan selanjutnya sebelum meneruskan dengan rakan niaga yang berpotensi.

# 3. Garis Panduan

## 3.5.3 Memantau prestasi

Mengumpul maklumat latar belakang adalah tidak mencukupi untuk menentukan sama ada rakan niaga yang berpotensi sesuai untuk bekerja dengan TTI. Kita perlu memantau rakan niaga secara berterusan walaupun selepas penglibatan untuk melihat sekiranya apa-apa bendera merah muncul. Hubungi Jabatan Perundangan sekiranya rakan niaga mengambil mana-mana tindakan yang berikut:

- Tidak membayar TTI invois pada masa yang tepat
- Menawarkan untuk membeli produk kita pada kos yang lebih tinggi daripada biasa atau meminta diskaun besar yang luar biasa
- Menyerahkan invois untuk perbelanjaan yang luar biasa atau berlebihan atau permintaan lain
- Meminta pembayaran kepada penerima yang berbeza atau akaun luar pesisir
- Kerap menjemput ahli TTI ke mesyuarat, perjumpaan atau acara lain yang melibatkan pegawai kerajaan
- Menerima kata-kata negatif daripada atau gagal mana-mana audit TTI atau pihak ketiga
- Menjadi terlibat dalam prosiding kebankrapan
- Menerima denda atau hukuman atau menjadi subjek aduan daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, khususnya undang-undang antirasuah

Senarai bendera merah ini TIDAK lengkap. Sekiranya bendera merah yang lain kelihatan, usaha wajar tambahan atau pemulihan lain mungkin diperlukan. Hubungi Jabatan Perundangan untuk mendapatkan bimbingan lanjut.

## 3.5.4 Pampasan

Salah satu daripada cara paling mudah untuk mencegah rasuah oleh rakan niaga adalah untuk memberi pampasan kepada mereka menurut set peraturan yang ketat, termasuk yang berikut:

- Kita tidak membayar lebih daripada harga pasaran untuk barang atau perkhidmatan yang diberikan oleh rakan niaga.
- Bayaran kejayaan dan premium kepada rakan niaga mesti dibenarkan oleh Perundangan, dipantau dengan rapat dan didokumenkan dengan betul.

### Menghayati Nilai Kita

**Senario:** Kami sedang mempertimbangkan menggunakan pengedar baharu untuk menjual produk di jajahan yang berisiko tinggi. Kami memutuskan untuk menjalankan beberapa kajian latar belakang mengenai syarikat tetapi kelihatan bahawa perniagaan di kawasan tersebut tidak begitu mengetahui mengenai syarikat ini. Rakan sekerja saya mencadangkan untuk kami mencuba pengedar tersebut secara jangka pendek kerana akan memakan masa untuk mencari penjual lain di kawasan tersebut. Saya bersetuju dengan beliau dan mengantar pengedar tersebut kertas kerja standard kami.

**Respons:** Dalam senario ini, anda tidak menghayati nilai kita. Walaupun patut dipuji apabila anda menjalankan usaha wajar mengenai rakan niaga baharu yang berpotensi ini dan mengenal pasti bendera merah—hakikat bahawa perniagaan di kawasan tersebut tidak begitu mengetahui tentang syarikat ini—anda tidak sepatutnya seharusnya memutuskan untuk melibatkan pengedar tanpa merujuk Jabatan Perundangan untuk mendapatkan nasihat mengenai cara untuk meneruskan.

# 3. Garis Panduan

## 3.6 Pemancingan rasuah

Pemancingan rasuah berlaku apabila seseorang meminta atau bertanya TTI (secara langsung atau tidak langsung) untuk pembayaran sebagai balasan untuk kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Pemancingan rasuah adalah bertentangan dengan undang-undang dan Dasar kami.

Sekiranya seseorang cuba memancing rasuah daripada anda, anda hendaklah:

- Dengan tegas, tetapi bersopan menolak untuk membuat pembayaran tersebut.
- Melaporkan insiden tersebut kepada Jabatan Perundangan.

### 3.6.1 Pengecualian untuk hal keadaan peringan

Terdapat situasi tertentu yang anda dibenarkan untuk membuat pembayaran yang sebaliknya tidak dibenarkan di sisi undang-undang atau Dasar kami. Situasi sangat jarang berlaku dan pembayaran dibenarkan hanya sekira hal keadaan peringan wujud. Hal keadaan peringan wujud apabila 1) anda diminta untuk membuat pembayaran dan 2) menolak boleh menyebabkan bahaya fizikal.

Ancaman bahaya fizikal boleh jadi terhadap diri anda, rakan sekerja anda atau ahli keluarga anda atau rakan sekerja anda.

Mana-mana hal keadaan peringan yang berpotensi atau sebenar yang berlaku dan mana-mana pembayaran yang dibuat dalam situasi tersebut, mesti segera dilaporkan kepada Jabatan Perundangan sebaik sahaja selamat untuk melakukan sedemikian.

# 4. Melaporkan Pelanggaran.

Kunci kepada budaya kelakuan beretika kita adalah komunikasi yang jujur dan telus. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan, atau sekiranya anda menyaksikan potensi pelanggaran Dasar ini, anda digesa untuk bercakap dengan kami.

Kami beroperasi di bawah dasar TIADA SERANGAN BALAS, yang bermaksud kami tidak akan sesekali menyerang balas terhadap sesiapa yang membuat laporan kepada kami demi kebaikan. Selain itu, laporan anda akan dirahsiakan dan kami akan berusaha dengan terbaik untuk memastikan bahawa identiti anda tidak didekahkan.

Laporan boleh dibuat kepada individu yang berikut di TTI:

- Naib Presiden Kumpulan, Penasihat Undang-undang dan Ketua Pegawai Pematuhan
- Jabatan Perundangan
- Jabatan Sumber Manusia
- Penyelia anda (melainkan sifat masalah tersebut menjadikan melakukan sedemikian adalah tidak dinasihatkan)

Jika anda lebih suka, anda boleh melaporkan kebimbangan anda secara anonim dengan —

e-mel:

✉ [ttiinquiries@fulcrum.com](mailto:ttiinquiries@fulcrum.com)

atau hotline:

☎ <https://www.ttigroup.com/reporting-hotline/>

atau melalui pos:

✉ Fulcrum Inquiry, Techtronic Complaint Resolution Department,  
12121 Wilshire Boulevard, Suite 810, Los Angeles, CA 90025

atau faks:

📠 +1.213.891.1300 (US fax line)

# 5. Kesimpulan.

Terima kasih kerana membaca Dasar Antirasuah kami. Maklumat dalam Dasar ini melengkapkan Tatakelakuan Etika dan Perniagaan kami, bertindak sebagai manual untuk membantu anda menghadapi rasuah yang mungkin berlaku dengan keyakinan dan memberikan anda alatan yang perlu untuk membuat keputusan yang betul.

Paling penting, Dasar ini menunjukkan komitmen kami untuk menyokong anda sebagai pekerja TTI, dan kepentingan yang tulen kami dalam membantu anda membuat keputusan menurut nilai-nilai kami.

Sekiranya situasi tidak dirasakan betul, anda memiliki sokongan penuh kami untuk meninggalkannya dan mendapatkan bimbingan selanjutnya daripada pelbagai sumber dalam syarikat.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai nilai dan komitmen kami terhadap kelakuan beretika, sila lihat sumber yang berikut:

- Tatakelakuan Etika dan Perniagaan TTI
- Tatakelakuan Rakan niaga

